

27 OCT 2003

Mahathir-Hudud (Bergambar)

HUKUM HUDUD AKAN DIAMBIL TINDAKAN JIKA BERCANGGAH

BANGI, 27 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Terengganu boleh melaksanakan undang-undang kontroversi Enakmen Jenayah Syariah Terengganu (Hudud dan Qisas), tetapi akan diambil tindakan jika terdapat percanggahan dengan undang-undang negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan tidak menganggap undang-undang itu sebagai undang-undang Hudud tetapi undang-undang PAS.

"Dia (kerajaan negeri) boleh laksana tetapi jika terdapat sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang negara, kita akan mengambil tindakan undang-undang.

"Hukum Hudud tidak ada yang zalim, ini hukuman yang zalim, bukan Hudud," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan kain rentang ucapan Terima Kasih kepada beliau daripada Puteri Umno di padang Universiti Tenaga Nasional Berhad di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah kerajaan Terengganuewartakan enakmen itu hari ini, hari pertama Ramadan.

Enakmen itu, yang diluluskan Dewan Undangan Negeri pada Julai tahun lepas dan terpakai terhadap orang Islam, memperkenalkan hukuman mengikut Al-Quran bagi perbuatan mencuri, merompak, bagi hubungan seks haram, pertuduhan palsu mengenai hubungan seks haram, mengambil minuman keras dan murtad.

Ditanya satu soalan lain oleh wartawan asing mengenai sama ada ini adalah masa yang tepat untuk beliau melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri, memandangkan sokongan hebat yang masih diterimanya contohnya perhimpunan Puteri Umno hari ini, Dr Mahathir berkata beliau berpegang kepada keputusannya akan berundur setelah membuat keputusan demikian.

Mengenai hal-hal yang belum diselesaikan, beliau berkata: "Akan sentiasa ada kerja yang belum diselesaikan tetapi saya yakin golongan muda ini akan meneruskannya."

Ditanya sama ada terdapat lebih banyak ruang bagi wanita pada masa depan, beliau berkata: "Saya berpendapat terdapat banyak ruang tersedia untuk wanita dan saya yakin mereka akan diberi tempat dalam Umno."

Malah, kata Perdana Menteri, Umno merupakan parti pertama sejak merdeka melantik wanita sebagai anggota parti dan kemudiannya menjadi menteri, mendahului parti-parti lain.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, negara masih mengiktiraf penglibatan wanita untuk sama-sama memainkan peranan dalam memajukan negara berbanding dengan negara lain.

Ini berikutan ada pihak yang mengkhianati orang Islam dan yang berfahaman sempit yang mengasingkan kaum wanita dan tidak membenarkan mereka berjuang bersama-sama.

Beliau turut memberi contoh puak Taliban di Afghanistan yang telah bercadang untuk membunuh golongan wanita hanya semata-mata pergi ke sekolah menuntut ilmu.

"Alhamdulillah, di Malaysia, wanita masih boleh menuntut ilmu dan bekerja. Baru-baru ini, saya terbaca yang puak Taliban bercadang untuk membunuh wanita kerana pergi ke sekolah. Mereka juga sudah membakar sekolah-sekolah di Afghanistan kononnya wanita tidak harus menuntut pelajaran," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir juga berasa yakin dan menyatakan dapat bersara dengan senang hati dengan semangat yang ditunjukkan oleh Puteri Umno yang sekaligus membuktikan bahawa perjuangan Umno akan dapat diteruskan.

"Saya yakin dengan semangat yang ditunjukkan oleh Puteri, negara kita. Umno akan selamat dan perjuangan Umno akan dapat diteruskan, dan saya akan dapat bersara dengan senang hati kerana ada kumpulan yang akan mengambilalih," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima kain rentang sepanjang 5.5 kilometer dengan ucapan Terima Kasih daripada Pergerakan Puteri Umno hasil daripada kempen yang dijalankan selama empat bulan sewaktu perhimpunan Agung Umno pada Jun lepas.

Kain yang berwarna merah jambu itu yang telah ditandatangani kira-kira 50,000 orang sebagai tanda menyatakan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir yang akan bersara pada Jumaat ini kerana kepimpinan kecemerlangan beliau selama ini.

Kain rentang itu juga sekaligus berjaya dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai kain rentang yang terpanjang ditandatangani.

Antara acara yang diadakan pada majlis yang dihadiri kira-kira 3,000 anggota Puteri Umno dari seluruh negara ialah acara penerjunan payung terjun dan deklamasi sajak "Ayahanda" oleh exco Pergerakan Puteri Umno.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad Datuk Dr Awang Adek Hussain.

-- BERNAMA

NJ BK